

Pelaburan meningkat \$209 juta — Mahathir

JUMLAH pelaburan modal swasta dalam sektor perindustrian bagi tujuh bulan pertama tahun ini telah meningkat sebanyak \$209 juta jika dibandingkan dengan pelaburan dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Modal pelaburan yang dicadangkan untuk sektor perindustrian bagi tempoh itu ialah \$470 juta berbanding dengan \$261 juta pada tahun 1977.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan di sini hari ini, peningkatan pelaburan itu membuktikan prestasi sektor perindustrian mencapai kemajuan yang memuaskan.

Katanya, bilangan projek-projek perindustrian yang diluluskan dalam tempoh itu ialah 195 berbanding dengan 162 projek sama tempoh yang sama 1977.

"Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 80 peratus dibandingkan dengan jumlah pelaburan untuk tempoh yang sama tahun lalu."

Dato Seri Dr. Mahathir yang merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan jumlah modal pelaburan asing yang dicadangkan un-

KUALA LUMPUR, Selasa

tuk tujuh bulan pertama tahun ini juga bertambah dari \$39 juta tahun lalu kepada \$87 juta tahun ini.

Bilangan syarikat-syarikat asing dan usahasama juga bertambah dari 20 buah dalam tempoh 7 bulan tahun lalu kepada 41 tahun ini.

Eksport

Projek-projek untuk eksport yang dipunyai sepenuhnya oleh syarikat asing di Malaysia juga bertambah dari hanya sebuah pada tahun lalu kepada 13 tahun ini.

"Pertambahan ini membuktikan pelabur-pelabur asing tidak disekat oleh Akta Penyelaras Perindustrian (ICA) dari melabur modal di Malaysia," kata Dato Seri Dr. Mahathir lagi.

Beliau juga menafikan sekeras-kerasnya yang ICA telah membantutkan prestasi pelabur tempatan dalam sektor perkilangan untuk eksport.

"Sebagaimana yang termaklum, industri perkilangan di Malaysia merupakan satu perkara baru kepada pelabur tempatan yang telah lama melibatkan diri dalam pelaburan tradisional seperti perlombongan, pembinaan dan perladangan.

"Pada peringkat awal pembangunan perindustrian pula, pelabur tempatan telah menumpukan minat mereka dalam projek-projek menampung keperluan pasaran tempatan.

"Industri sedemikian telah mencapai peringkat yang maksima berikutan dengan perkembangan perindustrian yang terjalu

pesat di negara ini.

"Oleh itu, pelabur-pelabur tempatan terpaksa mencari alternatif lain melalui penubuhan syarikat usahasama atau pun mengubahsual perniagaan mereka dengan memasuki perindustrian pembinaan dan perumahan," tegas Dato Seri Dr. Mahathir.

Perangkaan bagi tujuh bulan pertama tahun 1977 dan bagi tempoh yang sama tahun ini, membuktikan adanya kemerosotan dalam jumlah projek yang diusahakan oleh pelabur tempatan sedangkan pelaburan secara usahasama menunjukkan pertambahan yang menggalakkan.

Jumlah projek yang dipunyai sepenuhnya oleh pelabur Malaysia telah menurun dari 91 kepada 83 tahun ini sedangkan jumlah projek usahasama pula meningkat dari 70 kepada 99 tahun ini.

"Bagaimanapun kemerosotan pelaburan modal dalam projek yang diusahakan sepenuhnya oleh pelabur Malaysia dari \$55 juta (1977) kepada \$48 juta tahun ini, sebaliknya pelaburan modal usahasama telah bertambah dari \$35.6 juta tahun lalu kepada \$80.1 juta tahun ini," kata Dato Seri Dr. Mahathir lagi.

Dalam satu sidang akhbar sebelum itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata beliau merasa gembira kerana sektor swasta telah setuju menghantar perwakilan dalam misi dagang yang akan melawat Amerika Syarikat selama 20 hari mulai Khamis ini.

Misi yang diketuai oleh Dato Seri Dr. Mahathir itu akan melawat lima bandar besar di Amerika dan akan mengadakan beberapa seminar dan diskusi mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia.